

Lawatan PM ke UK tarik potensi pelaburan RM11b

Anwar sifatkan pelabur global yakin prestasi ditunjukkan ekonomi Malaysia

London: Lawatan kerja lima hari Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke United Kingdom (UK) yang berakhir semalam, berjaya menarik potensi pelaburan bernilai RM11 bilion dalam pelbagai sektor, termasuk tenaga boleh baharu dan ekonomi digital.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, potensi eksport yang dijana dalam tempoh lima tahun akan datang pula sebanyak RM500 juta meliputi produk peralatan dan komponen pesawat, perabot serta makanan dan minuman.

Perkembangan itu, kata beliau, turut menunjukkan keyakinan pelabur antarabangsa terhadap ekonomi Malaysia, selain hubungan kerjasama yang lebih erat dengan kerajaan UK.

"Pada pertemuan dengan ketua syarikat yang diselaraskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), nampaknya ada peningkatan mendadak dari segi kesediaan (untuk melabur)," katanya kepada media Malaysia yang membuat liputan lawatan kerja itu di sini.

Pada lawatan itu, Anwar turut mengadakan pertemuan dengan beberapa syarikat besar di UK seperti Standard Chartered dan Jaguar Land Rover.



Anwar bersama Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir (kanan); Menteri Perlindungan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani serta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz (kiri) pada sidang media berhubung lawatan kerja ke UK, semalam.

(Foto BERNAMA)

Mengulas lanjut, Anwar berkata, wujud tanda keyakinan daripada pihak kerajaan UK dan Perdana Menteri, Keir Starmer untuk mengukuhkan lagi kerjasama serta hubungan dengan Malaysia.

Beliau juga dimaklumkan Starmer akan menghantar Menteri Pembangunan UK, Anneliese Dodds ke Malaysia bulan depan dan disusuli dengan kehadiran Menteri Indo-Pasifik Catherine West, pada Mac ini.

"Apabila mendapat isyarat serupa itu nampaknya sudah ada komitmen untuk melabur RM11 bilion dalam pelbagai sektor seperti automatif, digital, tenaga boleh baharu, perbankan, hartanah dan petrokimia," katanya.

Pada lawatan itu yang juga pertama beliau sebagai Perdana Menteri ke UK, Anwar turut bertemu rakan sejawatannya Starmer di No 10 Downing Street pada Rabu.

Starmer menerusi satu ciapan di X selepas pertemuan itu berkata: "Hubungan akrab dan bersejarah. Daripada pelaburan hingga ke perdagangan dan pen-

didikan, hubungan UK dengan Malaysia kini lebih kukuh berbanding sebelumnya".

Manfaat sertai CPTPP

Anwar berkata, perdagangan antara kedua-dua negara juga dijangka meningkat berikutan penyertaan dalam Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Persekutuan Trans-Pasifik (CPTPP).

"Melalui CPTPP, penyertaan dalam kontrak, profesional dan barangan lebih mudah dibawa dari Malaysia.

"Syarikat besar Malaysia seperti YTL, Tenaga Nasional Bhd, Gamuda, EcoWorld yang melabur dan mempunyai projek besar di sini akan mendapat faedah (daripadanya)," kata beliau.

Di bawah CPTPP, barangan seperti minyak sawit dan getah Malaysia yang sebelum ini dikenakan tarif masing-masing 12 peratus dan 6.5 peratus akan menjadi sifar selepas ini.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata, Malaysia yakin boleh mengemudi sebarang ketidaktentuan politik atau ekonomi yang timbul da-

ripada pentadbiran Donald Trump yang akan mengangkat sumpah sebagai Presiden Amerika Syarikat (AS) Isnin ini.

Anwar bagaimanapun berkata, masih terlalu awal untuk memastikan ketegangan antara China dan AS akan berlaku ketika pentadbiran Trump.

Beliau berkata, Malaysia dan ASEAN mengadakan libat urus dengan kedua-dua negara itu selama beberapa dekad dan menegaskan Malaysia terus mengekalkan dasar berkecuali dalam hubungannya dengan negara lain.

Anwar berkata, China menjadi rakan dagangan yang sangat penting untuk Malaysia, manakala AS terus menjadi pelabur terbesar di Malaysia, syarikat seperti Google dan Amazon melakukan pelaburan besar kepada negara.

Berucap pada majlis makan malam dan sesi libat urus bersama lebih 700 diaspora Malaysia di sini, Perdana Menteri berkata, mungkin terdapat sedikit ketidaktentuan berikutan keadaan semasa hubungan antara kedua-dua negara berkenaan.

BERNAMA